

**Golongan sederhana perlu lebih lantang - Tun M  
Astro Awani  
19 Ogos 2014**

**KUALA LUMPUR:** Mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menyeru golongan sederhana untuk menjadi lebih lantang dan berani menyuarakan pendapat bagi mengimbangi suara kelompok ekstrem.

“Biasanya dalam mana mana masyarakat, biasanya puak yang sederhana kurang bersuara. Puak yang selalu bersuara ialah puak ekstrem. Puak *moderat* takut nak memberi pendapat mereka. Dengan itu, dalam demokrasi yang menguasai keadaan ialah puak ekstremis.

Puak ini tidak berminat untuk merapatkan hubungan kaum di Malaysia. Mereka lebih mengutamakan kepentingan kaum masing-masing.” kata Tun Mahathir.

Pandangan beliau dikongsi dalam satu diskusi bertajuk 'Evolusi Identiti Anak Muda Malaysia' anjuran Akademi Belia.

Tun Mahathir turut berkongsi rencah untuk mewujudkan identiti bangsa Malaysia yang harmoni dan bersatu padu.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/news/show/golongan-sederhana-perlu-lebih-lantang-tun-m-42156>